

23/06/1998

Semua pihak perlu telus: PM (HL)

Ahmad Burak; Abdul Halim Yusoff

SHAH ALAM, Isnin - Kerajaan sedia mendedahkan nama setiap penerima pengagihan saham dan projek penswastaan baru, sama ada individu atau syarikat jika itu kehendak rakyat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mensyaratkan, kesediaan kerajaan untuk mengamalkan sikap telus itu harus disusuli dengan kesanggupan mereka yang di luar kerajaan berbuat demikian.

Sebagai contoh, katanya, spekulator mata wang harus sanggup mendedahkan diri mereka dan dengan siapa mereka berurusan.

"Jangan harapkan kerajaan sahaja, orang ramai pun kena dedah semua juga, begitu juga akhbar. Perkara yang sama patut diterima pakai oleh pedagang mata wang dengan mendedahkan siapa yang berniaga," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis meraikan pelanggan kesejuta EON di sini petang ini.

Dr Mahathir ditanya adakah dasar ketelusan seperti dibuat di perhimpunan agung Umno dengan mengedarkan senarai penerima saham dan projek penswastaan kerajaan kelmarin, akan diteruskan.

Berikutan dakwaan Pergerakan Pemuda Umno berhubung amalan nepotisme dan kronisme diamalkan dalam pemberian projek penswastaan menjelang perhimpunan agung Umno minggu lalu, kepimpinan parti itu mengedarkan beberapa senarai.

Sabtu lalu, Umno mengeluarkan senarai penerima 171 projek penswastaan, nama syarikat pengambil alih atau konsortium terbabit dan pemegang saham utamanya bagi mengelak kerajaan dituduh mengamalkan nepotisme dan kronisme.

Semalam pula, senarai syarikat dan individu Bumiputera yang menerima peruntukan saham khas dan lesen kenderaan sejak 1992 hingga 1997, diedarkan kepada ketua bahagian Umno dan dipamerkan untuk tatapan umum di luar Dewan Merdeka.

Menjelaskan langkah itu Sabtu lalu, Dr Mahathir berkata orang ramai boleh menilai sama ada penerimanya adalah kroni, anak lelaki atau perempuan kepada pemimpin dalam parti.

Sementara itu, mengenai tindakan Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik mengemukakan saman terhadap Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan, Ruslan Kassim, Perdana Menteri berkata itu adalah hak bekas Ketua Menteri Melaka itu.

"Saya tak ada komen. Itu hak dia lah...Dia nak buat apa ke...ikut undang-undang sudahlah. Di Malaysia kita pakai rule of law. Ia mestilah berasaskan apa yang dibenarkan undang-undang. Jika dia dibenarkan, bolehlah buat dan jika tak dibenarkan, tak bolehlah buat.

"Sebab itulah saya kata, kalau kita nak buat ucapan kita mesti bertanggungjawab. Kalau kita buat ucapan dan kita kata itu tak boleh ambil tindakan, itu tak bolehlah.

"Itulah sebabnya saya bagi nasihat supaya kita semua bertanggungjawab, jangan kita tuduh orang dan bila orang ambik tindakan kita marah, itu tak boleh lah," kata Dr Mahathir.

Abdul Rahim hari ini berkata, beliau akan memfailkan saman malu terhadap Ruslan atas dakwaan membuat tuduhan palsu secara terbuka pada Perhimpunan Agung Umno, Sabtu lalu.

Kes membabitkan Ruslan adalah berkaitan kenyataannya pada perhimpunan agung Umno mengenai penerbit buku 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi Perdana Menteri, yang dikatakan menggunakan premis syarikat Sri Arteesee

Sdn Bhd (Sri RTC) yang dimiliki orang Umno sendiri.

Ruslan dalam perhimpunan itu berkata, selepas diperiksa di Pendaftar Syarikat, pemilik Syarikat Sri RTC adalah Puan Sri Siti Zabedah Abdullah dan Abdul Rahim Tamby Chik.

(END)